

EDISI BERKALA

**NELDA Sasar
5 Tan Ternakan
Ikan Sebulan**

**Komersialkan Arnab
Sebagai Sumber
Makanan**

**WAWANCARA
EKSKLUSIF BERSAMA
YB MENTERI
PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN
KOPERASI**

**Keunikan Ayam
Kampung Kacuk**





DARI MEJA PENGARANG

SITI AZLIN AHMAD DAUTA

Pengerusi,
Jawatankuasa Penerbitan



GAGASAN KOPERASI

Majalah Gagasan Koperasi
02/2023

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Rusli Jaafar

PENGERUSI JAWATANKUASA PENERBITAN

Siti Azlin Ahmad Dauta

KETUA EDITOR

Mohd Firdaus Hussin

EDITOR

Nor Azam Md Salleh
Syamsul Safarin Mohd Ali
Sharifah Nurrasyidah Syed Abd Razak
Mohd Affandy Amir
Norhaslinda Isa

EDARAN & PENERBITAN

Bahagian Pembangunan Koperasi,
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan salam sejahtera

Alhamdulillah, sekali lagi majalah Gagasan Koperasi dapat diterbitkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan jayanya. Saya turut menghargai kepercayaan yang diberikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Yang Berusaha Tuan Rusli Jaafar, terhadap pasukan editorial bagi menerbitkan majalah edisi kali ini.

Pasukan editorial mengangkat isu keterjaminan makanan pada edisi kali ini. Ini sebenarnya adalah satu isu besar yang perlu diberikan fokus kerana makanan adalah keperluan asas dan bekalannya perlu sentiasa mencukupi. Malah, industri makanan turut dijadikan satu keutamaan dalam Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030).

DaKoM 2030 yang telah dirasmikan pada Oktober 2023 oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick telah memfokuskan pelbagai strategi keusahawanan bagi semua industri.

Industri pertanian dan penternakan yang membawa kepada kelestarian keterjaminan makanan telah diberi fokus utama memandangkan industri ini amat penting untuk seluruh masyarakat. Saya melihat inilah pentingnya tema keterjaminan makanan untuk dimuatkan dalam majalah Gagasan Koperasi kali ini.

Memaparkan koperasi-koperasi yang menjalankan pelbagai perniagaan mengusahakan bekalan makanan, dapat dilihat bahawa usahawan koperasi ini sangat berjiwa besar. Walaupun terdapat dugaan dalam mengharungi aktiviti perniagaan mereka, namun mereka menganggapnya sebagai cabaran yang perlu ditangani dengan profesional.

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan gerakan koperasi, suruhanjaya ini komited untuk mengambil tahu dan membantu menyelesaikan masalah setiap koperasi. Selain memberikan pembiayaan, Suruhanjaya turut mem-

“

Sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam menguruskan gerakan koperasi, Suruhanjaya ini komited untuk mengambil tahu dan membantu menyelesaikan masalah setiap koperasi.

bantu menyediakan khidmat nasihat dan padanan perniagaan.

Suruhanjaya ini juga bertindak sebagai pemudah cara kepada koperasi dengan membantu menaik taraf perniagaan koperasi dengan bermula kecil-kecilan sehingga boleh membesarkan skala perniagaan kepada peringkat lebih tinggi. Misalnya, membantu menambah baik pembungkusan, mengkomersialkan produk, mendapatkan sijil halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan pelbagai proses di Institut Piawarian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM). Malah Suruhanjaya juga menjadi pemudah cara kepada koperasi yang ingin melihat produk mereka dijual di dalam pasar raya besar di negara ini.

Justeru, tidak hairanlah apabila pelbagai inisiatif bantuan dan sokongan diumumkan oleh pihak kerajaan sebagai usaha memastikan gerakan koperasi yang meluaskan perusahaan keterjaminan makanan ini agar terus berjaya. Bantuan pembiayaan, sokongan khidmat nasihat dan juga pelbagai tindakan pemudah cara telah disusun demi memastikan industri pertanian dan penternakan dapat dilaksanakan dengan baik. Suruhanjaya sentiasa menyokong setiap usaha gerakan koperasi yang terlibat.

Akhir kata, gerakan koperasi perlu komited dan berusaha keras demi memastikan hasrat kerajaan dalam mencapai kesejahteraan rakyat melalui keterjaminan makanan oleh gerakan koperasi dapat direalisasikan.

KANDUNGAN

PERUTUSAN

Suruhanjaya Terus Berdaya Saing **4-7**

RM44 Bilion Peruntukan Belanjawan, Bukti Kesungguhan Kerajaan Bantu PMKS **8-9**

LAPORAN

Jualan Madani Koperasi **10-11**

FOKUS

Komersialkan Arnab Sebagai Sumber Makanan **12-13**

TEROKA

NELDA Sasar 5 Tan Ternakan Ikan Sebulan **14-15**



4-7



12-13

TEROKA

Fokus Pada Pertanian: Tingkatkan Perolehan **16-17**

SANA-SINI

Album **18-19**

Sabah Tuan Rumah Hari Koperasi Negara 2023 **20**

Empat Teras Strategik Pemangkin Kelestarian DaKoM 2030 **21**

INOVATIF

Sasar 100 Sangkar Ternak Ikan Patin **22-23**

Pulau Songsong Tarik Minat Pelancong **24-25**

Gabung Stesen Minyak Dengan Farmasi Demi Penuhi Pasaran **26-27**

Rahsia Koperasi SAGUMPAS **28-29**

Keunikan Ayam Kampung Kacuk **30-31**

PENULIS TAMU

Ar-Rahnu Di Koperasi Tidak Perlu Diragui **32-33**

Pembiayaan Kompetitif Untuk Usahawan Koperasi Terus Berdaya Saing **34-35**



22-23



28-29

SURUHANJAYA TERUS BERDAYA SAING

“

Aspirasi yang jitu memberikan sudut pandang berbeza kepada pembangunan Suruhanjaya sekali gus kepada anggota koperasi itu sendiri. Pelbagai program telah diaturkan, pelbagai strategi telah disusun demi manfaat bersama.

RUSLI JAAFAR

Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Assalamualaikum dan salam sejahtera buat seluruh pembaca majalah Gagasan Koperasi. Majalah ini adalah sebuah naskhah yang diterbitkan demi menguar-uarkan aspirasi buat seluruh gerakan koperasi dan warga kerja Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Aspirasi yang jitu memberikan sudut pandang berbeza kepada pembangunan Suruhanjaya sekali gus kepada anggota koperasi itu sendiri. Pelbagai program telah diaturkan, pelbagai strategi telah disusun demi manfaat bersama.

Di sini, saya menceritakan mengenai aspirasi yang boleh mengukuhkan wadah perjuangan demi memantapkan hala tuju Suruhanjaya. Terdapat tiga aspirasi Suruhanjaya. Pertama adalah juara serantau, kedua adalah digitalisasi dan ketiga adalah menoktahkan kemiskinan. Aspirasi ini membawa manfaat yang bukannya sedikit kepada individu yang bernaung di bawah Suruhanjaya dan gerakan koperasi.

Ikuti temu bual saya bersama *team* editorial Majalah Gagasan kali ini.





Suruhanjaya menasarkankan 2025 sebagai juara serantau pada satu sektor perindustrian.



Suruhanjaya menetapkan matlamat untuk menjadi pakar rujuk mengenai ar-rahnu.

Apakah yang dimaksudkan dengan aspirasi sebagai juara serantau tersebut?

Jawapan: Saya melihat Suruhanjaya sebagai satu organisasi yang perlu terus berdaya saing bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di luar negara. Asia Tenggara mempunyai 600 juta penduduk. Justeru pas-

ran yang luas ini perlu kita terokai.

Menjadi juara serantau ini saya rujuk kepada sasaran tahun 2025 nanti. Ada sektor perindustrian yang boleh kita fokus untuk menjadi juara serantau. Pertama adalah industri ar-rahnu atau pajak gadai Islam. Di Malaysia sendiri ada dua pajak gadai iaitu konvensional dan ar-rahnu.

Koperasi aktif menyertai simposium ar-rahnu yang dianjurkan. Malaysia menjadi tuan rumah dalam simposium ar-rahnu tersebut. Pelbagai perbincangan dibuat dengan negara seperti Singapura, Brunei, Thailand dan Indonesia. Apa yang dapat dilihat adalah konsep ar-rahnu ini mereka hendak belajar daripada kita. Suruhanjaya ingin jadi pakar rujuk mengenai ar-rahnu. Di sinilah Suruhanjaya nampak bahawa koperasi boleh kembangkan sayap ar-rahnu ini bukan saja di dalam negara bahkan sehingga ke luar negara.

Kedua adalah perbankan Islam berteraskan koperasi. Saya percaya koperasi ada kemampuan untuk jadi juara serantau dalam industri perbankan Islam walaupun mungkin mengambil masa. Misalnya Bank Rakyat dan Co-opbank Pertama. Kedua-dua bank ini adalah bank koperasi. Kita lihat kedua-dua bank ini ada potensi untuk membuka lebih banyak cawangan. Baru-baru ini pun, Bank Rakyat telah ke Indonesia untuk melihat potensi pasaran di sana. Kami fokus kepada perbankan Islam berteraskan koperasi.

Ketiga, kami ingin menjadi juara serantau bagi produk-produk koperasi. Buat masa ini, memanglah produk koperasi belum lagi mampu mencapai ke peringkat antarabangsa, Asia Pasifik atau peringkat dunia. Namun, bagi saya jika produk koperasi mampu ke peringkat Asia Tenggara, ianya boleh dianggap hebat.

Koperasi atasan telah membawa produk koperasi ke negara seperti Indonesia, Brunei dan Filipina. Produk yang dimaksudkan bukan sahaja produk makanan namun juga perkhidmatan misalnya pelancongan. Produk koperasi boleh menembusi pasaran Asia Tenggara.

Banyak juga produk koperasi yang telah menembusi pasaran pasar raya tempatan. Bukan mudah untuk produk diterima masuk ke pasar raya. Suruhanjaya mempunyai pegawai yang membantu pihak koperasi untuk menyediakan produk yang mencapai piawaian untuk menembusi pasar raya. Misalnya dari segi kualiti produk, pembungkusan dan pelbagai garis panduan yang perlu dipatuhi seperti sijil halal daripada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).



Pendigitalan mengurangkan penggunaan kertas dan memudahkan pengurusan pengisian borang hanya dalam talian.

Aspirasi kedua adalah berkenaan digitalisasi. Boleh anda terangkan mengapa Suruhanjaya memandangkan digitalisasi itu sebagai satu perkara yang penting?

Saya melihat isu pendigitalan ini di peringkat Suruhanjaya sendiri. Misalnya, jika koperasi ingin membuat bayaran balik Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMP), SKM menggunakan begitu banyak borang. Hal ini melibatkan penggunaan banyak kertas. Setelah diteliti, kami mendapati terdapat 125 proses kerja di Suruhanjaya ini dibuat secara manual. Tidak dibuat secara digital.

Justeru, secara perlahan-lahan, Suruhanjaya telah memulakan proses kerja secara pendigitalan. Hampir lebih separuh daripada 125 proses kerja itu telah didigitalkan. Pada tahun 2024, insya-Allah sepenuhnya kerja-kerja di Suruhanjaya akan menggunakan sistem secara talian ataupun melalui pendigitalan.

Saya berpendapat, bukan Suruhanjaya sahaja perlu berubah ke arah digitalisasi namun pihak koperasi juga perlu menuju ke arah sama. Mungkin ada koperasi yang berada di luar jaringan internet menyebabkan sukar untuk mendigitalkan sistem mereka. Namun kita perlu menyambut baik saranan kerajaan untuk ke arah digital dan menyediakan maklumat hanya di hujung jari sahaja.

Menoktahkan kemiskinan adalah aspirasi ketiga pihak Suruhanjaya. Bagaimana hal ini dapat di-realisasikan?

Pertama sekali, kita perlu memahami apa itu takrifan kemiskinan. Pada tahun 2022, tahap miskin bermula pendapatan di bawah RM2,589. Miskin pula ada dua kategori iaitu miskin tegar dan miskin mutlak. Mereka ini tidak cukup keperluan asas bukan sahaja makanan bahkan keperluan-keperluan asas yang lain.

Di sinilah Suruhanjaya melihat bahawa koperasi boleh memainkan peranan membuat mekanisme membolehkan individu miskin mempunyai sumber pendapatan.

Pertama, melalui Program Pemberdayaan Komuniti yang bertujuan mengurangkan kemiskinan. Program ini telah dibuat oleh Koperasi Adik Kakak Kampung Pulau Rusa Kuala Terengganu Berhad (Kodika). Koperasi ini menyediakan pinjaman mikro kepada anggota koperasinya. Anggotanya membuat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) misalnya dalam bidang automotif dan industri batik. Kodika menyediakan bantuan sumber kewangan kepada usahawan yang juga anggotanya. Ini membolehkan anggota koperasi yang juga usahawan mengembangkan perusahaan dari semasa ke semasa.

Kebanyakan anggota koperasi ini telah mampu keluar daripada garis kemiskinan selepas menjadi usa-

hawan. Di sini kami lihat Program Pemberdayaan Komuniti mampu membawa individu miskin sekurang-kurangnya terkeluar daripada garis kemiskinan.

Pinjaman mikro yang dibuat oleh Kodika hanya mengambil keuntungan sebanyak 1.25 peratus sahaja. Hal ini menjamin ekosistem yang lebih sihat dalam kalangan usahawan yang ingin keluar daripada kemiskinan tanpa dibebani kadar keuntungan yang tinggi.

Suruhanjaya juga menggalakkan Sosial Enterprise (SE) dalam kalangan koperasi itu sendiri. Bagaimana hal ini akan direalisasikan?

Sosial Enterprise ini diwujudkan untuk bantu golongan-golongan tertentu dan memelihara alam sekitar. Ada koperasi telah diiktiraf sebagai Koperasi Sosial Enterprise. Koperasi SE diwujudkan untuk mengurangkan beban kerajaan bagi membiayai golongan rentan misalnya orang kurang upaya (OKU), gelandangan, ibu tunggal dan kanak-kanak yang kurang bernasib baik.

Melalui koperasi SE ini, koperasi memberi manfaat kepada masyarakat melalui 30 peratus keuntungan yang diperolehi. Dana ini disumbangkan

untuk membiayai keperluan yang dimanfaatkan oleh golongan sasaran di atas.

Justeru, peranan koperasi boleh dipertingkatkan melalui tanggungjawab koperasi SE yang membantu kerajaan dalam memberikan maafaat kepada golongan berpendapatan rendah yang kurang bernasib baik.

Difahamkan bahawa Suruhanjaya ada Program Koperasi Industri Kecil. Apakah objektif program tersebut?

Program Koperasi Industri Kecil adalah satu program yang sangat bagus demi membantu usahawan koperasi lebih berdaya saing. Usahawan tidak boleh bergerak sendiri. Usahawan perlu bergerak dalam kumpulan supaya lebih kuat dan berkembang.

Koperasi mampu berperanan sebagai pemasar untuk membantu menggerakkan perusahaan usahawan individu. Suruhanjaya mahukan koperasi bergerak sepanjang masa, bukannya bermusim. Misalnya, ada usahawan jahitan yang hanya beroperasi ketika musim perayaan sahaja. Usahawan perlu relevan sepanjang masa dan sentiasa berusaha untuk berdaya maju bagi memenuhi kehendak pelanggan.

Kaedahnya, koperasi boleh melaksanakan program mentor-mentee. Golongan wanita yang bergelar ibu tunggal atau golongan B40 ini tadi boleh diajar untuk menjahit. Suruhanjaya boleh membekalkan mesin dan peralatan jahitan kepada koperasi. Golongan sasaran tadi akan berkongsi mesin jahit untuk menghasilkan produk jahitan melalui koperasi.

Apakah harapan anda terhadap usahawan koperasi pada masa akan datang?

Kejayaan dalam perniagaan bergantung kepada integriti dan tadbir urus yang bagus. Tanpa dua faktor ini, sukar untuk sesebuah koperasi itu untuk melakar kejayaan. Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) misalnya, merancang pelbagai hala tuju yang jelas untuk tahun 2025 hingga 2030. Ini menunjukkan kita telah ada pelan dan strategi pada masa hadapan.

Saya percaya, jika seluruh anggota koperasi mempunyai hala tuju dan 'mindset' yang betul, sudah tentu sesebuah koperasi itu boleh berjaya. Paling utama adalah integriti dan tadbir urus yang terbaik dalam mentadbir dan menguruskan perniagaan.



Program Koperasi Industri Kecil memberi peluang usahawan individu menggunakan saluran pemasaran koperasi.



Pelancaran DaKoM 2030 oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick, baru-baru ini merancang pelbagai hala tuju untuk tahun 2025 hingga 2030.

RM44 Bilion Peruntukan Belanjawan, Bukti Kesungguhan KERAJAAN Bantu PMKS

Saya pasti ramai yang mahu bertanya apa inisiatif baharu yang diperkenalkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sejak setahun lebih saya diberi amanah menerajui Kementerian ini. Di KUSKOP, azam saya adalah memperkasakan inisiatif sedia ada dan mengemukakan beberapa inisiatif baharu untuk input belanjawan dan rancangan pembangunan lima tahun yang seterusnya.

Pertama, KUSKOP mempunyai 10 agensi di bawahnya. Saya mahu KUSKOP berupaya untuk memudah cara dengan membimbing komuniti perusahaannya mikro dan sederhana termasuk koperasi untuk mendapatkan khidmat terbaik daripada 10 agensi di bawah KUSKOP termasuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Institut Koperasi Malaysia (IKMa).

Perkara kedua adalah sejajar dengan amanat Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim iaitu menamatkan kemiskinan di negara ini. KUSKOP menyahut cabaran untuk membantu merealisasikan objektif menamatkan kemiskinan. Setiap aktiviti gerakan koperasi boleh membantu rakyat mendapatkan pendapatan.

Dalam banyak lawatan kerja saya ke koperasi di seluruh negara, pemberian insentif kepada koperasi menjadi satu aspirasi pembangunan yang sangat besar. Ini kerana kebanyakan koperasi masih dalam fasa bangkit kembali daripada tempoh kritikal.

Sepanjang tahun 2023, KUSKOP

telah memperkenalkan Program Jualan Madani Koperasi (JMK) dan Jualan Madani Koperasi dan Usahawan (JMKU). Insentif subsidi berjumlah RM1,824,500 telah disalurkan sepanjang tempoh pelaksanaan program ini untuk dimanfaatkan rakyat dan juga para usahawan khususnya koperasi.

Dengan insentif ini, koperasi terlibat telah berupaya menawarkan penjualan pelbagai barangan keperluan harian pada harga lebih rendah sehingga 20 peratus.

KUSKOP melalui SKM telah menganjurkan 55 program JMK di seluruh negara. Ternyata pengurangan JMK dengan jualan harga rendah dapat memberi manfaat kepada seluruh pengguna. Ini berikutan kos sara hidup semakin tinggi kerana peningkatan harga barangan terutama keperluan dapur. Setakat Disember 2023, program JMK dan JMKU berupaya menghasilkan jualan sebanyak RM7,154,900.75.

Belanjawan 2024



“

Keterjaminan makanan adalah satu misi penting kerana melibatkan kesejahteraan rakyat. KUSKOP cuba membantu kerajaan memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi.

yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Anwar Ibrahim, menterjemahkan agenda reformasi ekonomi negara terutama berhubung sumber hasil negara dan penyasaran semula subsidi.

Saya melihat hal ini sangat baik kerana pelbagai inisiatif dilaksanakan ternyata menyerlahkan lagi konsep MADANI yang menjadi teras kepimpinan dan perkhidmatan Kerajaan Perpaduan.

KUSKOP menyambut baik pembentangan belanjawan itu yang antaranya menyediakan kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan untuk manfaat usahawan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan nilai keseluruhan berjumlah RM44 bilion. Hal ini membuka peluang yang lebih besar buat KUSKOP melalui SKM untuk membantu para usahawan dalam kalangan koperasi khususnya. Demi menjamin keupayaan mereka terus kekal berdaya saing di samping memastikan koperasi diuruskan dengan tatakelola yang baik.

KETERJAMINAN MAKANAN SUATU FOKUS

Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) yang dilancarkan Kerajaan pada 11 Julai 2016 menggariskan fokus utama kepada sembilan sektor ekonomi utama iaitu pertanian, perkhidmatan perniagaan, pengguna dan runcit, perkhidmatan kewangan, makanan dan minuman, penjagaan kesihatan, hospitaliti dan pembuatan serta pengangkutan. Penglibatan gerakan koperasi dalam sektor lain juga turut sama dibantu untuk terus berkembang dan memberikan sumbangan kepada pembangunan sektor ekonomi.

Pasca pandemik adalah waktu pemulihan bagi kebanyakan perniagaan. Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) diperkenalkan Kerajaan dalam usaha meningkat dan mengukuhkan lagi pertumbuhan dalam setiap sektor dan industri perniagaan yang kebanyakannya terjejas akibat wabak COVID-19. Dasar baharu ini dijangka membawa manfaat cukup besar kepada anggota koperasi secara keseluruhan.

Keterjaminan makanan adalah satu misi penting kerana melibatkan kes-

ejahteraan rakyat. KUSKOP berusaha membantu Kerajaan memastikan bekalan makanan dalam negara mencukupi.

DaKoM 2030 memperkenalkan empat teras dasar bertujuan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan koperasi produktif dan bertenaga serta meletakkan model koperasi sebagai model perniagaan pilihan. Empat teras dasar akan dilaksanakan secara berurutan dengan keutamaan yang difokuskan kepada ekosistem sokongan untuk koperasi, diikuti dengan pembangunan berfokuskan koperasi dan memupuk sektor yang kukuh.

Empat teras dasar DaKoM 2030 adalah seperti berikut:

- Transformasi sokongan koperasi untuk ekosistem yang lebih kondusif dan holistik.
- Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sektor koperasi.
- Meningkatkan kebolehan dan keupayaan.
- Memajukan sektor sebagai saluran sosioekonomi utama.

Matlamat KUSKOP adalah memastikan sektor koperasi menjadi pemangkin kepada transformasi sosioekonomi negara menjelang 2030. Kejayaan dasar ini amat bergantung kepada komitmen semua agensi pelaksana dan koperasi sendiri.

PEMBANGUNAN KOPERASI

KUSKOP melalui agensinya, SKM dan IKMa telah menganjurkan pelbagai program dengan tema memasyarakatkan koperasi sepanjang tahun 2023. Saya percaya usaha berterusan ini amat penting kepada matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi kesedaran akan manfaat berkoperasi dalam kalangan rakyat.

Tahun lalu, buat kali pertama dalam sejarah, kita telah berjaya mendaftarkan 1,001 koperasi baharu berbanding purata pendaftaran sekitar 600 hingga 700 koperasi baharu yang didaftarkan pada tahun-tahun sebelum itu.

Kami meyakinkan masyarakat bahawa berkoperasi merupakan antara model perniagaan terbaik dan masih belum dimanfaatkan sepenuhnya di

negara ini. Namun berkoperasi mempunyai potensi dan peluang tersendiri untuk diteroka. Ini dapat disaksikan melalui peningkatan trend pendaftaran koperasi yang menggambarkan tahap kefahaman dan penerimaan rakyat yang semakin tinggi terhadap gerakan koperasi sebagai antara aktiviti yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Gerakan koperasi juga turut terlibat dengan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian, penternakan, perikanan, pembekalan input pertanian dan penternakan. Penglibatan 172 koperasi sedia ada yang menjadi penggerak kepada sektor agromakanan perlu ditingkatkan lagi dan diperkukuhkan bagi memastikan peranan, sumbangan dan impak yang lebih besar koperasi tersebut dalam membantu usaha Kerajaan dalam mengukuhkan tahap keterjaminan bekalan makanan negara.

Gerakan koperasi telah diberi tanggungjawab untuk membantu memperkukuhkan keterjaminan bekalan makanan negara melalui penglibatan koperasi dalam sektor agromakanan.

KUSKOP melalui SKM telah menjenamakan semula kedai koperasi di seluruh negara secara berperingkat di bawah satu nama iaitu CoopMart. Dengan langkah ini SKM dapat menyeragamkan model perniagaan koperasi. Sehingga kini sebanyak 2,581 kedai runcit koperasi berjenama CoopMart telah beroperasi di seluruh negara.

Harapan atau wawasan saya, bukan hanya untuk melihat angka pendaftaran koperasi bertambah. Namun, perkara lebih besar adalah untuk melihat koperasi yang didaftarkan ini dapat berdaya saing menjana pendapatan dalam perusahaan yang dilakukan.

Malah koperasi juga dapat menjadi inspirasi kepada masyarakat bahawa aktiviti berkoperasi boleh dijadikan platform yang menyumbang kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), menyediakan pasaran pekerjaan dan boleh jadi pesaing kepada syarikat yang tersenarai di bursa saham.

YB DATUK EWON BENEDICK

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

KAPSYEN

Orang ramai beratur untuk mendapatkan barangan makanan yang dijual pada harga rendah di Jualan Madani Koperasi (JMK).

Jualan Madani Koperasi

Bukti Kejayaan Inisiatif KUSKOP Bantu Meringankan Beban Masyarakat Dalam Kalangan B40 Dan M40 Yang Terkesan Dengan Peningkatan Kos Kehidupan

Kos sara hidup pada hari ini dilihat semakin tidak dapat dikawal akibat peningkatan harga barangan dan perkhidmatan asas. Peningkatan pendapatan yang tidak selari dengan kenaikan kos sara hidup telah menghimpit kebanyakan masyarakat pada hari ini terutamanya bagi mereka yang terdiri di kalangan B40 dan M40.

Menyedari kesengsaraan yang dihadapi oleh masyarakat pada hari ini, Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dan Suruhanjaya Ko-

operasi Malaysia (Suruhanjaya) telah memperkenalkan inisiatif Jualan Madani Koperasi (JMK) bagi membantu meringankan beban masyarakat melalui program yang dilaksanakan di premis perniagaan koperasi serta kawasan-kawasan terbuka yang menjadi tumpuan ramai.

Dalam usaha menangani kenaikan kos sara hidup ini, Suruhanjaya menerima peruntukan sebanyak RM1.191 juta daripada KUSKOP bagi tujuan yang sama. Suruhanjaya telah melaksanakan 86 program jualan yang melibatkan 184 koperasi dipel-

JUALAN MADANI KOPERASI

Info

Jumlah Insentif	RM1,824,500.00
Jumlah Jualan	RM7,154,900.00
Jumlah Penerima Manfaat	496,837 orang
Tempoh Pelaksanaan Program	12 bulan

bagai peringkat sama ada di negeri mahupun daerah yang mempunyai kepelbagaian masyarakat majmuk.

Pada tahun 2023, Suruhanjaya telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta



YB Datuk Ewon Benedick diberi penerangan mengenai produk jualan pada harga rahmah.



Salah seorang peniaga yang menjual produk ternakan di gerai yang disediakan.



YB Datuk Ewon Benedick bergambar kenangan pada sesi lawatan yang dijalaninya.

di bawah Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPd) bagi tujuan penyediaan insentif subsidi kepada Koperasi yang terlibat dalam Sektor Pemborongan dan Peruncitan yang dilantik sebagai operator jualan. Insentif subsidi ini adalah bertujuan untuk membiayai pengurangan harga barangan keperluan harian/asas dengan penjimatan sehingga 20 peratus

berbanding pasaran tempatan melalui penganjuran program Jualan Madani Koperasi.

JMK: Situasi Menang-Menang Koperasi dan Pengguna

Suruhanjaya amat berbangga dengan kejayaan yang direkodkan melalui penganjuran Jualan Madani Ko-

operasi (JMK) sepanjang tahun 2023. Program ini amat berkesan dalam membantu menangani kenaikan kos sara hidup yang dihadapi oleh masyarakat. Selain itu juga, KUSKOP dan Suruhanjaya turut menerima maklum balas yang positif daripada orang ramai pada setiap program jualan yang dianjurkan.

Program ini mampu mencipta kejayaan sekali gus memberi manfaat harga yang lebih jimat dan berpatutan kepada pengguna yang terdiri dalam kalangan B40 dan M40, di samping dapat memberi peluang kepada usahawan koperasi untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan oleh koperasi dan anggota koperasi dalam usaha meningkatkan jualan mereka.

Ternyata program yang diperkenalkan ini mempunyai objektif amat luas dengan pendekatan 'menang-menang' antara koperasi dan pengguna. Ini kerana JMK mampu menggalakkan orang ramai membeli barangan keperluan harian/asas mereka di kedai milik koperasi kerana harganya yang amat kompetitif dan lebih jimat berbanding pasaran tempatan.

Kesimpulannya, KUSKOP melalui Suruhanjaya amat komited untuk melaksanakan lebih banyak lagi program jualan seumpama ini pada masa akan datang.

Komersialkan Arnab Sebagai Sumber Makanan

Koperasi Komuniti Hybrid Selatan Berhad komited promosi daging arnab pada khalayak

Arnab ialah sejenis haiwan berbulu yang comel. Justeru arnab selalu dilihat sebagai haiwan peliharaan dan bukannya ternakan untuk dimakan. Atas sebab ini, perusahaan ternakan arnab sebagai sumber makanan masih lagi perlu disebarluaskan.

Berkunjung ke Koperasi Komuniti Hybrid Selatan Berhad, ternyata arnab boleh dijadikan sebagai sumber makanan selain ayam, ikan, lembu dan kambing. Pun begitu, industri ternakan arnab pedaging di Malaysia masih lagi tidak sebesar di Perancis dan China.

Cabaran mengkomersialkan industri arnab di negara kita adalah arnab sering dilihat sebagai haiwan peliharaan. Malah, pengetahuan mengenai arnab juga agak terbatas. Menurut pengerusi koperasi ini, Zul Ikram Ramli, senario sebegini perlu diubah

apatah lagi jika mahu menjadikan arnab sebagai industri ternakan pedaging.

CABARAN

Bagi menternak arnab pedaging, cabarannya adalah kos. Walaupun daging arnab boleh dijual sehingga RM35 satu kilogram, namun kos untuk menternak arnab masih tinggi.

“Kos membeli makanan iaitu dedak khas untuk arnab amat tinggi berbanding dedak untuk kambing. Harga dedak arnab adalah RM75 bagi seguni berat 25 kilogram. Dedak kambing pula adalah RM64 seguni 50 kilogram. Jadi, kami gunakan dedak kambing walaupun sebenarnya dedak arnab lebih bagus kerana ada fungsi menambah susu terutama ketika arnab baru lepas melahirkan anak,” kata Zul Ikram.

Walaupun ada sesetengah arnab yang mengalami cirit-birit sele-

pas makan dedak kambing, namun sebagai penternak yang hendak mengurangkan kos, dedak itu tetap diberikan. Meskipun begitu, kesannya tidaklah berpanjangan dan arnab masih boleh membesar dengan baik.

Zul Ikram tidak menafikan bahawa seorang penternak perlu memahami proses penjagaan dan mengawan bagi seekor arnab. Proses ini bertujuan untuk mereka boleh mengenal pasti fasa pembesaran arnab selepas dilahirkan, menyusu, cerai susu, penggemukan dan seterusnya.

“Membela arnab untuk peliharaan berbeza dengan membela arnab untuk dijadikan makanan. Arnab pedaging ada banyak prosedur yang perlu diikuti. Arnab bunting selama 28 hingga 32 hari. Arnab boleh mengawan semula selepas tiga jam arnab itu beranak. Secepat itu. Walaupun ketika itu ibu arnab itu masih menyusukan anaknya, dia boleh bunting



Hidangan berasaskan daging arnab yang diubah suai menjadi masakan cita rasa barat.



Ladang ternakan arnab yang diusahakan oleh anggota koperasi.

semula,” kata Zul Ikram.

Justeru, untuk mengawal arnab daripada mengawan terlalu cepat, pihak koperasi ini mengasingkan arnab supaya selesai menyusukan anaknya sampai tempoh cerai susu iaitu 30 hari. Arnab melahirkan antara tujuh hingga lapan ekor anak bagi satu kelahiran.

Koperasi Komuniti Hybrid Selatan

Berhad menggunakan arnab daripada baka hibrid. Ini supaya arnab lebih cepat gemuk iaitu dalam anggaran tempoh dua hingga empat bulan bagi arnab mencapai berat 2 kilogram.

Dibandingkan dengan kitaran penternakan ayam, ayam lebih cepat boleh dituai hasilnya kerana proses membela ayam lebih ringkas. Menternak arnab perlukan tempoh masa lebih panjang kerana arnab ada tempoh menyusu dan pengemukan.

“Penternak arnab juga perlu memahami fitrah arnab yang perlu melompat atau melenting.

Produk sejuk beku daging arnab yang dikeluarkan oleh Koperasi Komuniti Hybrid Selatan Berhad.



Zul Ikram (kiri) bersama ALK bergambar di hadapan premis perniagaan penjualan daging sejuk beku koperasi di Tangkak, Johor.

Jika sangkar arnab tidak tinggi, arnab kurang sihat kerana aktiviti melompat membantu sistem penghadaman dan pencernaan. Jadi, sangkarnya perlu sesuai dengan fitrah arnab. Arnab aktif pada waktu malam,” ceritanya lagi.

KOS PERMULAAN TERNAK ARNAB

Koperasi ini bermula dengan modal RM10,000 untuk menternak arnab pedaging. Sangkar saiz 80x60 dan lima ekor arnab. Dalam tempoh setahun, sangkar tersebut dipenuhi dengan 130 ekor arnab.

“Disebabkan itulah saya katakan bahawa menternak arnab ini berbaloi kerana arnab cepat membiak. Namun pengusaha perlu tahu prosedur menternak supaya kebersihan dan kesihatan arnab terjamin,” tambah Zul Ikram yang turut bekerjasama dengan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) untuk projek *re-tort* rendang arnab.

Beliau turut menegaskan bahawa untuk proses mengemukkan arnab, pihak koperasi menyerahkan tanggungjawab tersebut kepada pihak memerlukan pekerjaan misalnya ibu tunggal.

“Koperasi beri 100 anak arnab untuk dibela. Selepas 60 hari, arnab itu akan jadi 200 ekor contohnya. Koperasi akan beli semula daripada ibu tunggal itu 100 arnab yang telah matang. Dari situ, ibu tunggal itu akan bantu pihak koperasi mengemukkan arnab dan kami dapat bantu memberikan ibu tunggal itu sumber pendapatan,” tambah Zul Ikram mengakhiri bicara.

Mengikut rekod, koperasi ini menerima bantuan Koperasi Prihatin Rakyat (KPR) berjumlah RM75,000 pada 22 November 2022 bagi tujuan menaik taraf premis koperasi yang merangkumi ubah suai bangunan, mesin POS, *chiller* dan rak pameran. Suruhanjaya Koperasi Malaysia akan memantau projek koperasi supaya berada pada landasan yang betul dan bermanfaat untuk semua.

Pekerja premis koperasi menunjukkan produk daging sejuk beku yang dijual.



Sangkan penempatan ikan perlu dipantau untuk memastikan ikan cepat membesar.

NELDA Sasar 5 Tan Ternakan Ikan Sebulan

Projek ternakan ikan keli dan tilapia dari 6 hingga ke 45 sangkar

Ikan keli dan ikan tilapia adalah antara ikan yang menjadi hidangan utama di kedai-kedai ikan bakar mahupun restoran yang menghidangkan makanan tengah hari. Dengan harga yang boleh dianggap tidak membebankan, ikan keli dan tilapia menjadi pilihan ramai.

Atas sebab permintaan tinggi, Koperasi Nelayan Darat Mukim Sidam Kanan Berhad (NELDA), mengambil keputusan untuk memperbesar perusahaan ikan keli dan tilapia. Satu kejayaan yang sangat memberangsangkan adalah koperasi ini bermula dengan enam sangkar ikan pada 2019 namun kini telah mempunyai sebanyak 45 sangkar.

“Projek ternakan ikan NELDA telah dimulakan pada 2019 di bawah Program Desa Lestari (PDL). Projek ini telah diluluskan namun pada tahun 2021 baru bermula. Pada asalnya, kami ingin membuat projek ini di sungai namun agensi tidak membenarkan projek di sungai. Jadi kami ubah semula kertas kerja dan mengalihkan



Ikan dibela sehingga mencapai berat yang dikehendaki sebelum mula dijual.

projek di lombong. Barulah projek ini boleh dijalankan,” ujar bendahari koperasi, Azimi Che Kadir.

PDL adalah sebuah program yang bermula pada 2013 di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP 2.0) inisiatif Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) bagi mentransformasi kawasan luar bandar dan

meningkatkan taraf hidup masyarakatnya.

BANTUAN & CABARAN

Menurut Azimi, NELDA pernah menerima peruntukan daripada KPLB sebanyak RM427,000 untuk memulakan projek penternakan ikan keli dan

tilapia. Peruntukan itu sangat membezakan dan NELDA berupaya membeli peralatan dan segala yang diperlukan untuk memulakan projek tersebut.

“Kami memulakan projek penternakan ikan ini menggunakan jaring dan juga tong PVC. Ada pelbagai rintangan untuk menjadikan projek ini daripada tiada apa-apa sehingga mencapai kejayaan yang bagi saya cukup memberangsangkan,” ujarnya lagi.

Antara cabaran yang dihadapi adalah gangguan daripada makhluk perosak. Antaranya, memerang, biawak dan burung. Makhluk perosak boleh menyebabkan kerugian kepada koperasi mengikut kepada berapa banyak yang dirosakkan.

“Bukan hanya tumbuh-tumbuhan mempunyai makhluk perosak. Namun memelihara ikan juga diganggu oleh makhluk perosak. Ikan selalunya diganggu dengan kehadiran memerang. Memerang makan ikan namun tidak dimakan sehingga habis. Ini salah satu perkara yang perlu kami tangani supaya jumlah ikan tidak terjejas oleh tindakan memerang,” katanya.

Tindakan yang diambil oleh NELDA adalah memasang pagar elektrik. Dengan pemasangan pagar elektrik ini, masalah gangguan daripada makhluk perosak seperti memerang dan biawak dapat dielakkan.

Satu lagi cabaran yang dihadapi oleh NELDA adalah mengenai kos makanan ikan yang terlalu mahal. Kos membeli makanan ikan berupa dedak *pallet* boleh dikatakan tinggi dan menuntut kos penyelenggaraan yang membebankan.

NELDA tidak memberikan ikan peliharaan makan perut ikan atau perut ayam. Ini kerana bahan makanan ikan peliharaan memberikan kesan kepada tumbesaran dan keadaan ikan yang dipelihara.

“Kami berikan ikan kami makan dedak *pallet* semata-mata. Kami tidak campur dengan perut ikan atau perut ayam. Ini kerana ikan yang diberi makan perut ikan atau perut ayam, baunya hanyir. Ikan yang diberi makan dedak *pallet*, baunya tidak hanyir, isinya pun lebih sedap. Setakat hari ini, pelanggan yang beli ikan-ikan kami tidak pernah lagi memberikan maklum balas negatif mengenai kualiti ikan yang kami jual. Semuanya berpuas hati kerana ikan



Pihak pengurusan koperasi memantau hasil jualan ikan yang diperoleh melalui pangkalan data di komputer.

kami tidak hanyir,” katanya lagi.

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) juga turut membantu perniagaan NELDA dengan memberikan geran sebanyak RM62,000 yang digunakan untuk membeli peralatan. Projek penternakan ikan memerlukan banyak peralatan misalnya jaring, tong PVC dan pelbagai lagi bekas untuk mengisi ikan yang dipelihara.

PROSES

Projek memelihara ikan memerlukan proses yang panjang dan berterusan. Justeru, selain memelihara ikan dalam sangkar, penternak juga perlu mempunyai tahap kesabaran yang tinggi.

“Dalam tempoh dua minggu sekali, kami akan asingkan ikan supaya tumbesarannya lebih cepat. Ikan yang cergas selalunya dapat makan banyak berbanding ikan yang kurang cergas. Hal ini menyebabkan ikan kurang cergas, tidak dapat makan banyak dan saiznya lebih kecil berbanding ikan yang banyak makan.

“Jadi, ikan yang saiz kecil akan kami asingkan ke kolam lain supaya ia membesar dengan lebih baik,” katanya lagi yang turut memaklumkan bahawa ikan keli perlu diasingkan ikut saiz kerana ikan keli besar akan makan ikan keli kecil. Ikan tilapia pula tidak begitu.

Ditanya mengapa memilih untuk memelihara ikan keli, Azimi ada jawapannya. Katanya, ikan keli cepat membesar. Selepas dua bulan, ikan keli sudah cukup besar dan boleh dijual untuk mendapatkan keuntungan.

“Selalunya dalam tempoh dua bulan sahaja, ikan keli sudah bersedia

untuk dijual. Pada harga ladang, ikan keli mempunyai nilai RM7 pada berat 1 kilogram. Pernah juga kami membela ikan baung yang boleh dianggap sebagai ikan berharga premium. Namun kosnya sangat tinggi. Ikan baung lambat membesar. Dalam tempoh setahun, belum tentu boleh jual lagi. Begitu juga dengan ikan lam-pam. Walaupun harga sekilo ikan ini boleh cecah RM35 di pasaran, namun kos untuk membela ikan ini sangat tinggi. Jadi kami pilih ikan keli dan tilapia sahaja kerana ikan ini cepat besar dan boleh terus dijual selepas dua bulan,” katanya.

SASARAN PENGELUARAN 5 TAN IKAN SEBULAN

Pasaran ikan keli dan tilapia sangat tinggi. Permintaan sangat memberangsangkan namun NELDA belum mempunyai keupayaan untuk menawarkan lebih banyak ikan. Dengan kapasiti pengeluaran 3 tan sebulan, NELDA berhasrat untuk mampu mengeluarkan 5 tan ikan sebulan.

Menurut Azimi, jika NELDA boleh menghasilkan dedak *pallet* sendiri, insya-Allah koperasi ini boleh meningkatkan pengeluaran. Anggota koperasi perlu ada kepakaran untuk menghasilkan makanan ikan sendiri.

“Buat masa ini, NELDA ada permintaan tinggi untuk ikan namun kami tidak mampu menyediakan permintaan tersebut kerana kami perlu menanggung kos tinggi untuk membeli makanan ikan. Itu antara kekan-gan kami sekarang,” katanya mengakhiri bicara.

Fokus Pada Pertanian: Tingkatkan Perolehan

Koperasi Keluarga Dato' Haji Mat Rejab Kedah Berhad jadikan ternakan lembu dan ayam kampung sebagai pendapatan tambahan

Sektor pertanian adalah salah satu industri yang boleh membawa pulangan besar kepada pengusahanya. Justeru, mengambil peluang pemilikan tanah sedia ada, Koperasi Keluarga Dato' Haji Mat Rejab Kedah Berhad telah membuat keputusan untuk menumpukan fokus perniagaan dalam industri ini.

Menjadikan hasil tani seperti cili, terung, jagung, bendi dan kacang panjang sebagai tanaman utama, koperasi ini yakin dapat meningkatkan perolehan dari semasa ke semasa. Tanah berkeluasan 10 ekar di Kampung Padang Satu, Bandar Bukit Kayu Hitam dengan 11 orang pekerja membolehkan koperasi ini berdaya saing untuk memberikan hasil terbaik pada tanamannya.

"Koperasi Keluarga Dato' Haji Mat Rejab Kedah Berhad ditubuhkan pada 29 Mei 2009 dan usianya kini telah mencapai 14 tahun. Anggota kami tidak ramai iaitu hanya 72 orang sahaja, namun modal saham kami mencecah RM162,000 dengan sumbangan saham minimum RM100 bagi setiap anggota," ujar Dato' Mat Rejab Kassim selaku pengerusi koperasi.

Menurut beliau, keanggotaan koperasi ini terdiri daripada anak, cucu dan saudara mara kedua-dua belah keluarga beliau serta isterinya. Mereka berkongsi modal dan bersama-sama memajukan koperasi yang mengusahakan perniagaan berkonsepkan pertanian.

"Selain menanam pelbagai jenis tanaman, koperasi ini juga mengusahakan ternakan lembu dan ayam kampung. Untuk lembu, kami ada antara 40 ekor hingga 80 ekor dalam satu-satu masa. Semua perusahaan ini dibuat di atas tanah berkeluasan 10 ekar ini tadi," katanya lagi.

Mat Rejab turut berterima kasih



Dato' Mat Rejab Kassim, Pengerusi Koperasi Keluarga Dato' Haji Mat Rejab Kedah.

Industri pertanian menjanjikan pulangan lumayan namun perlu ada ilmu untuk menguruskannya dengan baik.

kepada pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kerana memberikan bantuan pembelian mesin untuk memproses makanan lembu. Menurut beliau, mesin memproses makanan lembu ini amat membantu mengurangkan kos pengurusan yang perlu ditanggung oleh koperasi ini.

"Makanan lembu jika dibeli di pasaran amat tinggi harganya. Jadi dengan adanya mesin memproses makanan lembu ini, dapat mengurangkan kos membeli makanan lembu yang perlu ditanggung oleh koperasi. Sekali gus meningkatkan nilai perolehan koperasi ini," katanya.

Pihak koperasi juga mengakui bahawa menguruskan industri pertanian memerlukan kepakaran. Bukan semua orang dapat menguruskan industri pertanian kerana melibatkan ilmu dan

kemahiran dalam pelbagai aspek.

Penanam perlu memahami keadaan tanah untuk menanam apa-apa tanaman seperti jagung. Walaupun jagung memberikan pulangan tinggi di pasaran, namun jagung tidak boleh ditanam sepanjang masa. Jenis tanaman perlu digilir-gilirkan demi menjaga kesuburan tanah itu sendiri.

KOS PENGURUSAN

Dalam industri apapun, kos pengurusan adalah salah satu isu yang perlu diteliti supaya kos tidak melebihi angka jualan. Kos pengurusan yang tidak dipantau semestinya boleh menyebabkan nilai kos meningkat dan tidak membawa keuntungan memberangsangkan.

“Contohnya dalam hal baja tanaman. Baja yang dijual di pasaran harganya mencecah RM50 seguni. Jadi, koperasi perlu kurangkan pembelian baja ini dan digantikan dengan baja tahi ayam. Baja tahi ayam dijual pada harga RM5 seguni. Sebelum ini lebih murah iaitu RM3 seguni. Sekarang semua naik harga. Kami juga mengurangkan kos pembelian baja dengan menggunakan tahi lembu sebagai baja. Ini pun sangat praktikal kerana kami ada menternak lembu, jadi kos baja tahi lembu adalah percuma saja,” katanya lagi.

Kos pengurusan juga ada memabatkan kos gaji pekerja. Dengan keperluan gaji minimum sebanyak RM1,500 sebulan untuk seorang pekerja, beliau mengakui hal itu menjadi kekangan untuk mengambil lebih ramai pekerja. Apatah lagi apabila pekerja diberi tempat tinggal dan makan. Semua itu termasuk dalam kos pengurusan.

“Bagi tanaman seperti cili pula, walaupun tanaman itu memberikan pulangan besar kepada koperasi, namun kos menjaga pokok cili amat tinggi. Ini kerana cili adalah tanaman yang mudah dijangkiti penyakit. Pekerja yang menjaga pokok cili perlu memahami keperluan penjagaan pokok cili dengan betul,” katanya lagi yang mengakui tidak mustahil untuk meraih perolehan RM1 juta setahun bagi projek pertanian yang memberikan pulangan besar kepada koperasi walau pernah alami kemerosotan dalam perolehan ketika wabak COVID-19 melanda.

Berbicara soal membesarkan perusahaan, beliau tidak merancang untuk menambah keluasan kawasan tanah yang berkeluasan 10 ekar ini buat masa sekarang. Beliau mempunyai

alasan tersendiri.

“Buat masa sekarang, keluasan 10 ekar tanah pertanian sudah mencukupi. Walaupun kami ingin menambah pendapatan, namun kos untuk menguruskan tanah seluas ini juga tinggi. Faktor gaji pekerja, peralatan, baja dan makanan haiwan ternakan perlu diambil kira. Secara sifir mudah dengan kos sebanyak RM10,000, kami mendapat perolehan sebanyak RM5,000 lebih kurang,” katanya lagi.

Namun begitu, beliau mengakui tiada masalah dari segi pemasaran. Setiap tanaman yang telah mengeluarkan hasil, pasti ada pembeli terutama peraih yang membeli secara borong semua hasil tanaman tersebut. Hal ini memberi keuntungan agak selesa untuk koperasi sebanyak RM10,000 dalam tempoh sebulan.

PROJEK PERUMAHAN

Dari segi lain, Koperasi Keluarga Dato’ Haji Mat Rejab Kedah Berhad turut menjalankan perusahaan hartanah iaitu membina rumah. Walaupun keuntungan amat memberangsang-

kan dalam urus niaga melibatkan rumah jenis berkembar (semi-detached) dan banglo, namun beliau mengambil keputusan membina kediaman yang mempunyai permintaan tinggi iaitu rumah teres.

“Kami mempunyai perancangan membina 60 unit rumah di Selangor. Sebanyak 30 unit kediaman itu adalah jenis rumah berkembar. Namun kerja-kerja pembinaan terpaksa dihentikan kerana Perintah Kawalan Pergerakan dulu. Hal ini menyebabkan kerugian kerana kos meningkat selain masalah kecurian barang pembinaan. Justeru projek tersebut dihentikan seketika sebelum kami mula kembali walau dalam keadaan tidak begitu menguntungkan,” ujarinya.

Justeru, berbicara mengenai hasrat pada tahun mendatang, Koperasi Keluarga Dato’ Haji Mat Rejab Kedah Berhad ingin terus maju dan membina strategi untuk meningkatkan perolehan dari semasa ke semasa. Selain turut fokus kepada aktiviti pembinaan di samping menambah jaringan perniagaan dalam bidang lain pada masa akan datang.



Jagung mempunyai permintaan tinggi di pasaran.



Kos makanan lembu adalah cabaran yang perlu ditangani dengan baik oleh penternak.



Antara projek perumahan yang masih dalam pembinaan.



Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) di Hotel Tenera, Bangi pada 12 Oktober 2023.



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon Benedick (dua dari kiri) menyempurnakan sesi Gimik Peluncuran DaKoM 2030.



Sesi bergambar... Para peserta Coop Race Bersama Usahawan dan Koperasi, YBhg. Dato' Sri Suriani D Koperasi Negara 2023 (HKN' 23) di Pusat Konvens Sabah pada 21 Julai 2023.



Para pengunjung mengambil peluang untuk membeli barang keperluan di bawah Program Jualan Madani Koperasi di Bukit Damansara, Kuala Lumpur pada bulan April 2023.

Kanan: Program Young Entrepreneurs Strive For Success (YESS) Peringkat Kebangsaan 2023 telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBhg. Datuk Haji Zamri Salleh (tiga dari kiri) di Mardhiyyah Hotel & Suites, Shah Alam pada 16 November 2023.



na Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan
ato' Ahmad (sembilan dari kiri), sempena Hari
yen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu,



Majlis Apresiasi Gerakan Koperasi sempena Bulan Koperasi Kebangsaan 2023 (BKK'23) telah disempurnakan secara rasminya oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin (kiri) di The Magellan Sutera Resort, Kota Kinabalu, Sabah pada 20 Julai 2023.

Sabah Tuan Rumah Hari Koperasi Negara 2023

Catat kehadiran 10,069 pengunjung

Salah satu acara utama anjuran Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) adalah sambutan Hari Koperasi Negara (HKN). Bagi edisi 2023, HKN telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC), Kota Kinabalu, Sabah dari 21 hingga 23 Julai 2023.

Menariknya, portal berita Astro Awani melaporkan bahawa penganjuran HKN telah berjaya mencatat prospek perniagaan sebanyak RM46.9 juta melalui 44 sesi padanan perniagaan yang telah dijalankan. Malah, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedick turut menyatakan bahawa prestasi jualan tunai dicatatkan adalah berjumlah RM1.47 juta. Jumlah pengunjung yang direkodkan pada sepanjang tempoh pernganuran HKN pula adalah seramai 10,069 orang.

Penganjuran HKN 2023 ternyata memberi banyak manfaat kepada penduduk setempat dengan kehadiran anggota koperasi dari segenap pelosok tanah air. Kesannya jelas dirasakan, khususnya melibatkan sektor-sektor seperti perhotelan, pelancongan sehinggalah ke sektor pengangkutan. Ini menunjukkan, bukan hanya ianya sebuah acara untuk meraikan gerakan koperasi, HKN turut menyumbang kepada kerancangan pembangunan ekonomi setempat.

HKN 2023 merupakan acara kemuncak yang dianjurkan bersempena dengan sambutan Bulan Koperasi Kebangsaan (BKK) yang berlangsung sepanjang bulan Julai pada setiap tahun. Tema BKK yang dipilih, "Malaysia Madani Teras Kecemerlangan Koperasi" mencerminkan manifestasi apresiasi dan pengiktirafan Kerajaan kepada gerakan koperasi yang telah banyak



HKN menyaksikan pelbagai acara menarik misalnya perasmian, meraikan kejayaan koperasi dan pembaharuan strategi yang telah dirancang.



Majlis HKN diserikan dengan persembahan tradisional bercirikan kebudayaan Sabah.

memberikan manfaat kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat di negara ini.

Majlis sambutan HKN 2023 telah disempurnakan perasmiannya oleh Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor. Program ini dihadiri oleh anggota koperasi dari seluruh nega-

ra yang ingin meluaskan jaringan perniagaan, mendapatkan informasi terkini mengenai peluang perniagaan dan mengukuhkan strategi untuk terus mengekalkan momentum daya saing dan daya tahan dalam dalam menghadapi cabaran landskap ekonomi masa kini dan akan datang.



Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia, YB Datuk Ewon Benedick memberi ucapan sempena Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030, di Hotel Tenera, Bangi baru-baru ini.

Empat Teras Strategik Pemangkin Kelestarian DaKoM 2030

Menyumbang kepada ekonomi negara dan wujudkan koperasi produktif

Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) telah digubal bagi menggantikan pelaksanaan Dasar Koperasi Negara 2011-2020. DaKoM 2030 didokong empat rangka teras strategik iaitu:

- Transformasi sokongan koperasi untuk ekosistem yang lebih kondusif dan holistik.
- Meningkatkan pemahaman dan penghayatan sektor koperasi.
- Meningkatkan kebolehan dan keupayaan.
- Memajukan sektor sebagai saluran sosio-ekonomi utama.

Dengan objektif untuk memacu sektor koperasi sebagai pemangkin teras dalam transformasi sosio-ekonomi negara, DaKoM 2030 dilihat seiring

dengan agenda-agenda semasa Kerajaan yang telah digariskan khususnya, Dasar Keusahawanan Negara 2030 (DKN 2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12).

Gerakan koperasi di negara ini sememangnya telah mencecah usia 100 tahun sejak ianya mula bertapak pada tahun 1922. Pelbagai cabaran telah pun dilalui gerakan ini di sepanjang tempoh tersebut, namun masih besar lagi dugaan yang menanti. Kewujudan DaKoM 2030 ternyata melambangkan kesungguhan Kerajaan, khususnya Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang sentiasa peka dan bersedia membantu meningkatkan kesiapan gerakan koperasi menghadapi cabaran-cabaran tersebut.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Ewon

Benedick menegaskan empat teras strategik ini adalah bertujuan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara, mewujudkan koperasi produktif dan bertenaga serta meletakkan koperasi sebagai model perniagaan pilihan. Empat teras strategik ini akan dilaksanakan secara berurutan dengan mengikut keutamaan yang akan memfokuskan kepada penyediaan ekosistem sokongan untuk koperasi, diikuti dengan pembangunan berteraskan koperasi dan seterusnya memupuk pembinaan sektor koperasi yang kukuh.

Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 telah diadakan pada 12 Oktober 2023 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi, Selangor dan disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick.

Sasar 100 Sangkar Ternak Ikan Patin

Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad komited objektif laksana keterjaminan makanan

Salah satu aktiviti yang difokuskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dalam keterjaminan makanan adalah penternakan. Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad menjalankan aktiviti penternakan ikan patin sangkar dalam usaha memantapkan keterjaminan makanan tanah air.

Sebelum aktif menternak ikan patin sangkar, koperasi ini pernah mengusahakan penternakan udang putih di Mersing, Johor. Namun kini koperasi memberi fokus kepada penternakan ikan patin sangkar di Pahang.

Ditanya mengenai permulaan tercetusnya idea untuk bergiat aktif dalam industri penternakan, Pengerusi Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad, Mansor Ab. Rahman berkata, “Pada mulanya, kami menerima bantuan kewangan sebanyak RM500,000 daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa). Kami dapat satu tapak ternakan ikan sangkar di Temerloh, Pahang. Dari situlah mulanya kami mengusahakan ternakan



Satu sangkar boleh memuatkan 2,500 ekor ikan patin.



Beginilah rupa ikan patin yang telah siap disiang.

ikan sangkar walaupun hadapi kerugian sebanyak RM100,000 akibat kegagalan projek pembenihan ikan. Kami usahakan jualan ikan patin secara borong.”

Buat masa ini, koperasi mempunyai 30 sangkar penternakan ikan patin. Setakat tahun 2022, mereka mengusahakan 20 sangkar dan membolehkan koperasi mendapat jualan sebanyak RM164,000 sebulan.

“Kami sasarkan untuk menambah bilangan sangkar kepada 100 unit. Hal ini kerana pasaran ikan patin sangkar memang sangat besar. Manakala, ada individu yang mempunyai 175 sangkar pun masih tidak mempunyai stok ikan yang mencukupi untuk

dijual. Jadi, saya sasarkan tambahan 100 unit sangkar supaya dapat menampung kehendak pasaran,” ujarnya lagi.

CABARAN

Salah satu cabaran besar dalam industri penternakan ikan patin sangkar adalah harga makanan ikan patin yang mahal. Justeru, hal ini meningkatkan kos operasi bagi koperasi untuk membeli makanan ikan yang mencecah RM80 bagi satu goni seberat 20 kilogram.

Keadaan ikan patin yang mudah mati juga merupakan cabaran besar dalam projek penternakan ikan patin sangkar. Dalam satu sangkar, boleh



Mansor Ab. Rahman, Pengerusi Konsortium Koperasi Ternakan Ikan Negeri Pahang Berhad



Keadaan sangkar ikan patin yang digunakan untuk penternakan dalam sungai.

memuatkan 2,500 ekor ikan patin. Meskipun begitu, sebanyak 1,500 ikan selalunya mati disebabkan hal-hal tertentu.

“Jika boleh dapat 1,000 ekor dalam satu sangkar pun sudah cukup baik. Kebiasaannya ikan yang hidup dan boleh dijual adalah sebanyak 400 hingga 700 ekor sahaja. Ikan yang mati tidak boleh digunakan lagi. Jika ada ikan yang hampir mati, boleh kita ambil, siang dan dibuat pekasam mengikut saiz,” katanya lagi.

GABUNGAN 10 KOPERASI

Konsortium ini adalah gabungan daripada 10 koperasi iaitu Koperasi Pembangunan Daerah Temerloh Berhad, Koperasi Ikan Sangkar dan Nelayan Sungai Temerloh Berhad, Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad, Koperasi Kariah Masjid Tengku Sulaiman Ketari Bentong Berhad, Koperasi Pengusaha-Pengusaha Warisan Pekan Berhad, Koperasi Guru-Guru Lepas Maktab/Pusat Latihan Harian Pahang Berhad, Koperasi Keluarga Haji Konok Sanggang Berhad, Koperasi Lempahan Tasik Chini Berhad dan Koperasi



Pekerja koperasi dedikasi melakukan khidmat terbaik untuk menghasilkan ikan patin yang berkualiti.

Serbaguna Daerah Jerantut Berhad.

Pihak konsortium berterima kasih kepada SKM kerana telah memberi geran bantuan sebanyak RM50,000 bagi membantu melancarkan projek yang telah disusun sepanjang tahun.

“Malah, kami juga berterima kasih

atas segala tunjuk ajar daripada pihak SKM yang menjadikan kami lebih nampak hala tuju dalam industri ini. Banyak nasihat dan saranan yang diberikan kepada kami. Semua ini membantu menjadikan kami lebih mudah mencapai objektif,” ujarnya.



Pulau Songsong mempunyai panorama yang sangat unik untuk diteroka.

Yan merupakan sebuah daerah yang terletak kira-kira 50 kilometer dari bandar raya Alor Setar dan 30 kilometer dari Sungai Petani, Kedah.

Daerah ini mempunyai banyak kawasan peranginan yang menarik untuk dilawati bagi meredakan ketegangan pada hujung minggu.

Antara kawasan peranginan yang terdapat di Yan adalah Gunung Jerai, Pantai Murni, Air Terjun Titi Hayun, Tanjung Dawai, Air Terjun Puteri Mandi, Tangga Kenari (laluan utama untuk pendaki berjalan ke puncak Gunung Jerai), tempat sejarah seperti Air Terjun Alur Naga, Batu Kapal, Padang Tok Syekh, Sejadah Tok Syekh dan Telaga Tok Syekh. Selain itu terdapat pulau menarik di sekitar daerah ini seperti Pulau Bunting, Pulau Bidan, Pulau Telor dan Pulau Songsong.

Berpegang kepada asas penubuhan koperasi iaitu bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat, Koperasi Desa Keda Kuala Sungai Udang Yan Berhad yang telah didaftarkan pada 1 April 2016 dengan jumlah keanggotaan seramai 110 orang telah memanfaatkan Pulau Songsong yang merupakan salah satu daripada empat pulau yang terdapat dalam kawasan Jerai Geopark sebagai sumber perolehan utama koperasi dalam aktiviti pelancongan.

Dengan keadaan air lautnya yang jernih untuk kawasan utara Malaysia dan kehidupan marin yang masih

Pulau Songsong Tarik Minat Pelancong

Koperasi Desa Keda Kuala Sungai Udang Yan Berhad memanfaatkan keindahan sebagai sumber pendapatan utama

terpelihara serta mempunyai keindahan alam semula jadi telah menjadi tarikan utama kepada pelancong tempatan dan luar negara untuk ke Pulau Songsong ini.

Lantaran itu, usaha menjaga dan memulihara keaslian pulau ini adalah merupakan satu usaha murni yang perlu dipandang tinggi oleh semua pihak. Memulihara keaslian pulau juga adalah satu usaha untuk memajukan hayat pulau bagi dijadikan momen kepada generasi akan datang.

Tindakan Koperasi Desa Kuala Sungai Udang Yan Berhad yang menjalankan aktiviti pelancongan dilihat langkah sangat tepat dalam usaha membantu penduduk setempat yang kebanyakan adalah nelayan. Di samping berpeluang mencari pendapatan daripada aktiviti menangkap hasil laut, para nelayan juga berpeluang menjadi pemandu pelancong yang

juga dipanggil sebagai Malim Laut.

Pada hari ini, seramai 43 nelayan telah menjadi Malim Laut untuk membawa para pelancong mengunjungi Pulau Songsong, Pulau Bunting, Pulau Bidan dan Pulau Telor. Keempat-empat pulau ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang boleh dibanggakan dan menjadi daya tarikan kepada pelancong.

“Antara perkara menarik di sini adalah batu merah. Tiada pulau lain yang ada batu merah, hanya di pulau ini sahaja. Saya juga suka untuk menyatakan bahawa selain Pulau Langkawi dan Pulau Pangkor, Pulau Songsong juga mempunyai batu karang yang sangat cantik,” kata Yani Nadewmus, selaku setiausaha koperasi ini.

Kewujudan batu karang di sekitar Pulau Songsong amat menarik kerana ianya berkaitan dengan sejarah daerah Yan, Kedah pada suatu ketika



Inilah bot pelancong yang dibeli menggunakan geran bantuan daripada SKM.



Kunjungan anda ke Pulau Songsong pasti tidak mengecewakan.

dahulu. Menurut Yani Nadewmus, pada era 1960-an dahulu, Siam dan Tanah Melayu berperang. Tentera Siam telah menyerang Tanah Melayu menggunakan laluan darat dan laut. Walau bagaimanapun serangan tentera Siam telah dipatahkan oleh orang Melayu di Pulau Songsong.

Selepas peperangan dengan Siam, pada hujung era 1970-an, Pulau Songsong dan Pulau Bidan telah menjadi sasaran oleh The Royal Australian Air Force. Tentera Udara Australia yang berpangkalan di Butterworth, Pulau Pinang telah pergi ke Pulau Songsong dan menembak ke laut bagi tujuan latihan.

Kesan daripada tembakan tersebut telah menyebabkan dasar laut berlubang-lubang dan wujudnya batu karang. Malah kelongsong peluru tembaga masih wujud sampai ke hari ini. Selain itu juga, terdapat menara tinjau yang digunakan oleh tentera Australia yang masih kekal di pulau ini. Inilah kesan sejarah yang sepatutnya dipelihara dan disampaikan kepada generasi hari ini.

Bagi merealisasikan hasrat untuk memulihara keaslian pulau-pulau di sekitar daerah Yan dan menaik taraf ekonomi para nelayan di sini, Koperasi Desa Keda Kuala Sungai Udang Yan Berhad berusaha untuk mendapatkan hak pajakan terhadap Pulau Songsong dan Pulau Bidan daripada kerajaan negeri.

“Tujuannya adalah untuk memudahkan koperasi dari segi pengurusan aktiviti pelancongan dan kami juga akan memastikan tiada sebarang binaan bangunan di pulau ini

kerana hendak menjaga keasliannya. Pelancong yang mengunjungi Pulau Songsong ini tidak dibenarkan untuk bermalam, sebaliknya pakej yang ditawarkan adalah balik hari sahaja (day trip),” ujarnya lagi.

Sehubungan dengan itu, penjagaan kebersihan amat dititikberatkan di pulau ini. Justeru menghadkan tempoh masa pelancong di sini adalah bertujuan mengawal pencemaran daripada sampah yang dibawa oleh pelancong dan menjaga kebersihan.

BANTUAN SKM

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Cawangan Negeri Kedah yang bertanggungjawab mengawal selia gerakan koperasi negeri Kedah menyambut baik usaha pihak koperasi bagi memajukan sektor pelancongan maritim dan menaik taraf kehidupan golongan nelayan di daerah Yan. Sehubungan dengan itu, pihak SKM telah menawarkan bantuan kewangan berupa geran sebanyak RM90,000 kepada koperasi ini bagi tujuan pembelian bot untuk mempertingkatkan lagi aktiviti pelancongan yang diusahakan.

Menurut Yani Nadewmus, pihak koperasi turut menaik taraf nelayan yang sebelum ini terlibat sebagai jurupandu pelancong kepada pemandu bot dan juruselam. Hal ini supaya pelancong berasa lebih selamat apabila pakej yang diambil dikelolakan oleh pemandu pelancong bertaualiah.

Pihak koperasi turut menawarkan pakej untuk bersiar-siar menaiki bot ke kawasan sekitar pulau berharga

RM98 untuk seorang pelancong. Bagi mengunjungi Taman Laut pula, setiap pelancong dikenakan caj sebanyak RM10 seorang.

SAMBUTAN HANGAT

Berdasarkan tinjauan oleh pihak koperasi, pakej pelancongan di sini mendapat sambutan hangat terutamanya ketika cuti perayaan Tahun Baru Cina. Mengikut data statistik yang dimiliki, jumlah pelancong pada cuti perayaan tersebut adalah seramai 1,200 orang.

“Ini menunjukkan bahawa dengan adanya industri pelancongan dan sewaan bot pelancong di sekitar pulau-pulau di daerah Yan, Kedah telah mewujudkan satu lagi industri yang boleh membawa pulangan kepada penduduk setempat yang sebelum ini pulau-pulau tersebut dianggap sebagai sebuah kawasan kurang berdaya saing,” ujarnya lagi.

Selain batu karang, pelancong juga berpeluang untuk melihat ikan jerung dan penyu di sekitar pulau ini melalui aktiviti penyelaman. Pulau di sini tidak terlalu dalam dasar lautnya, pelancong boleh melihat batu karang yang cantik dari atas bot sahaja kerana air laut yang jernih.

Mengakhiri perbualan, Yani Nadewmus turut berhasrat untuk koperasi ini memajukan lagi sektor pelancongan maritim di daerah Yan demi menaik taraf kehidupan nelayan di sini. Dengan kerjasama dan bantuan daripada SKM semestinya memberikan masa depan lebih cerah kepada hasrat koperasi ini.

Gabung Stesen Minyak Dengan Farmasi Demi Penuhi Pasaran

Koperasi Felda Sungai Koyan III Raub Berhad tampil kelainan tarik pelanggan

Kita sering melihat stesen minyak menggabungkan perniagaannya dengan restoran makanan segera ataupun kafeteria kopi terkenal. Tetapi pernahkah kita lihat stesen minyak yang menggabungkan perniagaannya dengan farmasi?

Inilah yang dilakukan oleh Koperasi Felda Sungai Koyan III Raub Berhad yang telah ditubuhkan pada 30 Jun 1977 dengan jumlah keanggotaan sebanyak 686 orang dan mempunyai kekuatan kakitangan seramai 30 orang. Pada awalnya, penubuhan koperasi ini adalah untuk aktiviti pengangkutan buah tandan segar atau buah kelapa sawit dari kebun ke kilang. Kini, fokus koperasi telah berubah dan ditambah baik dengan memfokuskan kepada kepenggunaan mengikut kepada Undang-Undang Kecil (UUK).

Mengambil kira akan keperluan anggota koperasi dan penduduk setempat bagi mendapatkan barangan



Pusat perniagaan milik koperasi di Felda Sungai Koyan III.

perubatan terutamanya bagi penyakit ringan, Koperasi telah melebarkan cabang perniagaannya dalam bidang barangan kesihatan bagi memenuhi keperluan anggota dan penduduk setempat melalui pembukaan Coop Farmasi.

Sebelum tertubuhnya Coop Farmasi yang terletak bersebelahan

dengan stesen minyak Petronas milik koperasi, anggota koperasi dan penduduk setempat perlu ke Kuala Lipis yang jaraknya sekitar 40 kilometer atau ke pekan Raub sekitar 53 kilometer bagi mendapatkan bekalan ubat-ubatan. Kini mereka dapat menjimatkan masa, tenaga, wang ringgit dan tidak perlu pergi jauh kerana

Susun atur dan pengurusan farmasi turut mendapat bimbingan ANGKASA.





Pengoperasian COOP Farmasi turut mendapat bantuan daripada SKM.

Coop Farmasi telah ada di FELDA Sungai Koyan III.

“Bagi memulakan perniagaan farmasi ini, koperasi menggunakan modal sebanyak RM200,000 untuk pembinaan bangunan dan bayaran produk yang dijual di dalam farmasi. Ketika memulakan perniagaan ini, kami menghadapi masalah ketiadaan pegawai farmasi yang bertaualiah kerana tiada anak jati Sungai Koyan yang memiliki ijazah dalam bidang farmasi.

Tanpa pegawai farmasi, perniagaan ini tidak boleh beroperasi. Jadi, kami telah meminta bantuan daripada Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) untuk mendapatkan seorang pegawai farmasi. Kami juga turut mengambil dua orang pekerja yang mempunyai kelulusan diploma farmasi untuk bekerja,” kata pengerusi koperasi ini, Mohd Radzi Mohd Noh yang turut mengatakan bahawa idea untuk menubuhkan perniagaan farmasi telah ada pada tahun 2019 namun tidak dapat dilaksanakan kerana negara pada tahun itu terjejas akibat pandemik COVID-19.

Dengan modal yang mencecah RM200,000 sudah pasti pihak koperasi ingin cepat membuat jualan dan

beroleh keuntungan. Menurut Mohd Radzi, mereka telah menetapkan sasaran jualan Coop Farmasi sebanyak RM1,000 sehari atau RM30,000 sebulan namun masih belum berjaya. Pun begitu, jumlah tertinggi jualan yang pernah dicapai adalah RM16,000 sebulan.

Produk yang dijual di dalam farmasi ini merangkumi produk kesihatan seperti katil pesakit, ubat, kerusi roda dan tongkat. Ada juga kosmetik, produk penjagaan diri dan lampin pakai buang. Selain itu juga terdapat kira-kira 3,000 jenis produk yang dijual oleh koperasi dan boleh dikatakan lengkap bagi mereka yang memerlukan.

PEMASARAN

Sebarang perniagaan sememangnya memerlukan kaedah pemasaran yang kuat demi mengukuhkan sesuatu jenama yang diwakili. Begitu jugalah dengan farmasi di bawah koperasi ini. Pihak koperasi perlu memperkuat strategi pemasaran supaya lebih ramai orang mengetahui kewujudan Coop Farmasi di stesen minyak ini.

Coop Farmasi ini dibuka dari jam 9 pagi hingga 9 malam. Pun begitu,

masih belum ramai yang mengetahui kewujudan farmasi ini walaupun kedudukannya terletak di stesen minyak. Bagi penduduk setempat, mereka sudah cakna. Hanya bagi penduduk di kampung bersebelahan.

“Perancangan saya untuk menyebarluaskan kewujudan farmasi ini adalah melalui kerjasama dengan ramai pihak. Misalnya, kami alu-alukan pakar gigi untuk menyediakan perkhidmatan pergigian di farmasi kami. Kita uar-uarkan dalam group *WhatsApp* penduduk setempat dan pakar gigi pula boleh uar-uarkan bagi pihak mereka. Pakar gigi tersebut boleh menjalankan perkhidmatan secara percuma di farmasi ini. Kita sama-sama dapat manfaat iaitu pakar gigi boleh mendapat jualan melalui perkhidmatan pergigian dan farmasi pula mendapat pemasaran secara percuma kerana lebih dikenali ramai,” ujarnya.

Selain itu, pihak koperasi juga merancang untuk membuka reruai pameran di lokasi tumpuan orang ramai misalnya di Pekan Sehari Sungai Koyan mengenai perkhidmatan yang ditawarkan supaya orang ramai lebih tahu kewujudan farmasi.

“Bagi saya, pelan pemasaran amat penting supaya lebih ramai khalayak tahu kewujudan farmasi di stesen minyak ini. Kami perlu menjana lebih banyak jualan dan membuat keuntungan. Ini kerana kami ada kakitangan yang perlu dibayar gaji setiap bulan,” tambahnya.

Menurut Mohd Radzi, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah meluluskan geran bantuan sebanyak kepada koperasi sebanyak RM158,000. Bantuan kewangan sememangnya amat membantu pihak koperasi untuk melancarkan pengoperasian koperasi.

“Koperasi melaksanakan kontrak dengan FELDA untuk kerja pertanian misalnya mengangkut, menuai buah tandan segar, meracun, memba- ja dan memangkas. Selain itu, koperasi turut terlibat dengan Coop Mart, Fresh Mart, borong, stesen minyak Petronas, Kedai Mesra dan Coop Farmasi. Kami juga ada buat kedai makanan haiwan. Kami juga uruskan kontrak am iaitu tender oleh kerajaan dan bukan kerajaan. Kami mempunyai estet berkeluasan 29 ekar,” tambah beliau menutup bicara.

Rahsia Koperasi SAGUMPAS

Keampuhan kepimpinan tonggak kejayaan

Kemahiran memimpin adalah sesuatu yang mahal nilainya. Ini kerana, dengan adanya kemahiran memimpin, sesebuah organisasi boleh jadi bertambah maju berbanding masa sebelumnya. Atas sebab itulah, seseorang yang menerajui sesebuah organisasi perlu mempunyai kemahiran memimpin kerana ada banyak manfaatnya.

Berbicara dengan Pengerusi Koperasi Guru Melayu Pahang Selatan Berhad (SAGUMPAS), Mohamad Hanifah B K Koya Moideen Kutty, beliau meneruskan legasi kepimpinan daripada insan terdahulu yang menerajui koperasi ini. Koperasi yang bermula sejak tahun 1953 ini, semakin lama semakin maju malah pernah diiktiraf sebagai Koperasi Kewangan Terbaik Negeri Pahang.

“Untuk membangunkan koperasi ini, saya perlukan komitmen daripada seluruh *team*. Saya berhasrat meneruskan legasi insan terdahulu. Selain berbisnes, SAGUMPAS turut mementingkan kebajikan kepada seluruh anggota,” ujar Mohamad Hanifah.

Perniagaan utama SAGUMPAS adalah pemberian pembiayaan kredit. Hal ini adalah untuk membantu anggota koperasi yang memerlukan wang segera bagi menampung keperluan mendesak. Malah, anggota SAGUMPAS yang telah berpujian juga amat terutang budi kepada koperasi ini kerana banyak membantu mereka suatu ketika dahulu.

“Mereka hadir ke pejabat untuk mengambil dividen. Saya katakan kepada mereka, tidak perlu hadir kerana wang dividen boleh dimasukkan ke dalam akaun melalui dalam talian. Namun mereka tetap mahu hadir kerana bagi mereka SAGUMPAS ada nilai sentimental yang tinggi buat mereka,” tambah Mohamad Hanifah.



Kedai tayar milik Koperasi SAGUMPAS.

PINJAMAN RM1.3 JUTA

Pada 2018, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) telah meluluskan pembiayaan kewangan sebanyak RM1.3 juta kepada SAGUMPAS untuk meneroka perniagaan stesen minyak. Majlis pembukaan stesen minyak ini diadakan pada 2 Mei 2019 dan dirasmikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail yang ketika itu menerajui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

“Dari segi pengambilan pekerja pula, kami mementingkan khidmat sosial kepada masyarakat. Maksudnya, kami dahulukan pengambilan dalam kalangan penduduk setempat. Ini demi memastikan penduduk setempat mempunyai pekerjaan,” ujarnya.

Menurut beliau lagi, pihak koperasi membayar gaji mengikut apa yang disarankan oleh kerajaan. Para pekerja dibayar gaji dan juga elaun un-

tuk bekerja pada waktu cuti umum. Paling menarik, setiap pekerja berpeluang menikmati komisen sekiranya kedai runcit di stesen minyak mereka berjaya membuat jualan yang mencapai sasaran ditetapkan.

“Selain itu, saya turut memikirkan apa lagi perkhidmatan yang diperlukan oleh penduduk setempat yang boleh diletakkan di stesen minyak. Saya terfikir mengenai mesin ATM untuk orang ramai mengeluarkan wang tunai dan juga mendeposit wang tunai. Mereka juga perlukan perkhidmatan membuat bayaran bil,” katanya.

Ternyata hal ini walaupun nampak mudah bagi penduduk di kawasan bandar, namun bagi penduduk di kawasan pedalaman seperti Temerloh ini, perkhidmatan seperti ini besar ertinya buat penduduk di sana. Malah ada yang mengucapkan terima kasih kepada pihak koperasi kerana memudahkan urusan berkaitan ke-



Koperasi dianugerahkan sebagai koperasi terbaik sektor kewangan Negeri Pahang tahun 2022.

wangan dan pembayaran bil. Mereka tidak perlu meredah perjalanan jauh untuk ke pekan.

KEPIMPINAN MELALUI TELADAN

Sifat kepimpinan yang dimiliki oleh Anggota Lembaga Koperasi (ALK) SAGUMPAS juga boleh dilihat dari segi pemerhatian. Mereka memerhati situasi daripada perniagaan orang lain yang membawa kepada kejatuhan.

Sudah semestinya SAGUMPAS ingin mengekalkan kejayaan demi kejayaan yang telah diraih lantas setiap ALK perlu mempunyai daya saing sebagai seorang pemimpin demi meraih lebih banyak kejayaan pada masa hadapan. Selain Mohamad Hanifah, SAGUMPAS turut diterajui oleh Dato' Aminuddin Abdul Halim selaku Setiausaha dan Mohd Ali Mohd Yusof selaku Bendahari.

"Kami belajar daripada apa yang telah berlaku kepada banyak perniagaan di luar sana. Justeru seperti yang telah dikatakan awal tadi, kami perlu komited dengan tanggungjawab demi memajukan SAGUMPAS. Koperasi ini telah berusia 70 tahun semestinya mempunyai pengalaman cukup luas dalam bidang perniagaan. Saya dan *team* perlu bekerja keras untuk terus berniaga dan memberikan manfaat kepada



Suasana di kedai buku milik koperasi.

seluruh anggota," katanya.

Selain perniagaan memberi pembiayaan kredit dan stesen minyak, SAGUMPAS juga menjalankan perniagaan kedai tayar, kedai buku, kedai dobi dan projek perumahan. Menurut Mohamad Hanifah lagi, *team* SAGUMPAS tidak tamak dalam berniaga. Mereka tetap mahukan keuntungan namun tanpa rasa terbeban.

Disebabkan itulah Mohamad Hanifah dan *team*nya sentiasa meneliti

perniagaan yang ingin dilakukan secara terperinci.

"Pengurusan kewangan perlu dilakukan secara betul. Saya sentiasa berpesan kepada *team* untuk pantau kedudukan kewangan kerana koperasi adalah perniagaan yang dijalankan untuk berkongsi manfaat sesama anggota. Justeru, ALK perlu komited dan bekerja bersungguh-sungguh demi meraih kejayaan yang lebih baik pada masa hadapan," ujar beliau menutup bicara.

Keunikan Ayam Kampung Kacuk

Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad teroka pasaran tersendiri

Penternakan adalah antara industri perniagaan yang semakin berkembang pesat. Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad mengambil peluang ini dengan mengusahakan penternakan ayam kampung kacuk. Menurut setiausaha koperasi ini, Mohd Zamri Sharief, mereka ingin teroka pasaran tersendiri, justeru memilih ayam kampung kacuk berbanding ayam daging.

Ladang perusahaan ayam kampung kacuk milik koperasi ini terletak di Lot 607 Jalan Seroja, KM 51, Kampung Gubah, Asahan, Melaka. Ladang ini dinamakan sebagai Kop-

Khas Farmville dengan keluasan tanah 1.4 ekar. Pembangunan tapak ladang bermula pada 2 November 2020 dan siap untuk diguna pakai pada 25 Februari 2021. Kemasukan anak ayam pertama adalah pada 4 Mac 2021 sebanyak 14,000 ekor.

“Di ladang ini ada lima buah reban ayam yang boleh menampung sebanyak 5,000 ekor ayam matang dalam setiap reban. Jadi jumlah keseluruhan di lima reban adalah 25,000 ekor. Di ladang ini juga mempunyai dua kabin pejabat, tiga kabin kakitangan dan satu kabin penginapan. Ada juga surau, dewan terbuka, tandas, bilik air dan stor penyimpanan barang,”

ujar Mohd Zamri memulakan bicara.

Mohd Zamri turut menegaskan bahawa koperasi ini memilih untuk mengusahakan ayam kampung kacuk kerana pasaran ayam kampung kacuk tidak seramai pesaing perusahaan ayam daging. Malah, maklum balas yang positif daripada pelanggan juga menyebabkan koperasi ini semakin bersemangat untuk membangunkan perusahaan.

“Pelanggan beri maklum balas positif. Misalnya saiz besar anggaran 1.6 kilogram seekor dan kualiti pun bagus. Justeru, hal ini memberikan kami lebih bersemangat untuk meneroka pasaran ayam kampung kacuk





Suasana reban ternakan ayam kampung kacuk yang terjaga kebersihannya demi memastikan ayam lebih berkualiti.

dengan lebih agresif supaya lebih ramai orang dapat menikmati hasil ternakan kami,” ujar Mohd Zamri yang mengakui ayam kampung kacuk mempunyai pasaran tersendiri kerana ramai pelanggan yang lebih menyukai ayam kampung berbanding ayam daging.

Ayam kampung kacuk lazimnya diambil daripada baka terpilih supaya tumbesarnya lebih cepat dan kualiti yang bagus. Ayam jenis ini mempunyai kulit dan kaki berwarna kekuningan. Kriteria ayam kampung kacuk adalah dagingnya pejal dan rasanya lebih sedap apabila dimasak apatah lagi apabila ayam kampung kacuk dibela tanpa dicucuk hormon.

SOKONGAN

Koperasi Keluarga Haji Sharief Melaka Berhad amat berterima kasih atas sokongan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) yang memberi bantuan kewangan demi melancarkan urusan perniagaan koperasi.

Antaranya adalah Geran Bantuan Pembangunan Koperasi berjumlah RM30,000 pada 13 September 2021, Geran Program Dagang Produk / Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-Dapat) berjumlah RM20,000 pada 8 November 2022 dan Geran Program Pemerkasaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) berjumlah RM132,840

pada 3 Mei 2023. Wang ini kami gunakan untuk membina reban dan peralatan keperluan makanan ayam.

SKM turut juga memberikan bantuan dari segi pembiayaan kewangan. Hal ini adalah untuk membantu memberi modal supaya pihak koperasi punyai daya untuk terus berdaya saing. Selain itu, bantuan khidmat nasihat dan pemantauan turut dibuat demi memastikan tadbir urus koperasi berada pada landasan yang betul.

Selain geran, koperasi ini turut mendapat pembiayaan kewangan melalui Pinjaman Pembiayaan Khas

COVID-19 berjumlah RM100,000 pada 24 Februari 2022 dan Pinjaman Pembiayaan Agro-makanan berjumlah RM250,000 pada 23 November 2022.

“SKM juga terus memberi sokongan berterusan kepada koperasi melalui khidmat nasihat dan lawatan pemantauan yang dibuat dari masa ke semasa. Saya amat menghargai pihak Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (KUSKOP) dan pihak SKM atas kepercayaan yang telah diberikan kepada koperasi kami,” kata Mohd Zamri menutup bicara.



Pasukan Koperasi Haji Sharief Melaka Berhad komited memberikan khidmat terbaik demi mengeluarkan ayam yang sedap untuk dimakan.



Ar-Rahnu Di Koperasi Tidak Perlu Diragui

SKM wujud garis panduan dan perketat kawal selia demi patuh syariah


Apabila menyebut mengenai aktiviti pajak gadai Islam (ar-rahnu), sudah pasti terbayang di fikiran mengenai penjualan emas oleh pengguna kepada institusi kewangan untuk mendapatkan tunai segera. Hal ini memudahkan pengguna menerima wang tunai ketika memerlukan.

Pun begitu, timbul polemik daripada pihak tertentu bahawa sistem ar-rahnu oleh koperasi boleh dipertikaikan aspek patuh syariahnya disebabkan tiada badan bertauliah yang memantau aktiviti pajak gadai di koperasi.

Hal ini dipandang serius oleh pihak koperasi. Kredibiliti koperasi yang menjalankan aktiviti pajak gadai perlu ditingkatkan. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bertanggungjawab mengawalselia koperasi termasuklah koperasi yang menjalankan aktiviti pajak gadai.

GP25: Garis Panduan Menjalankan Aktiviti Pajak Gadai Islam

STATISTIK KOPERASI AR-RAHNU SEHINGGA DISEMBER 2022



(Ar-Rahnu) berkenaan seksyen 51 dan 84A Akta Koperasi 1993 [Akta 502] menjadi rujukan koperasi yang menjalankan aktiviti tersebut.

SKM sendiri telah mengeluarkan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 iaitu Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) pada 29 November 2022 sebagai panduan. Secara umumnya, koperasi telah bergerak ke arah pematuan syariah bagi aktiviti Ar-Rahnu.

Penyeliaan yang berkesan mampu

“

Sebagai badan yang bertanggungjawab, SKM telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Bahagian Syariah untuk memastikan pematuan koperasi yang menjalankan aktiviti berlandaskan syariah dan sentiasa mematuhi perundangan serta arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

mencapai kecemerlangan sesebuah koperasi dalam apa jua fungsi dan aktiviti yang dijalankan tertakluk kepada undang-undang kecil koperasi. Koperasi yang mengamalkan konsep syariah seperti menjalankan aktiviti Ar-Rahnu dan pembiayaan Islam bergerak seiring perkembangan kewangan Islam yang lebih patuh sya-



Barang kemas kerap dijadikan produk gadaian di Ar-Rahnu bagi mereka yang memerlukan wang tunai secara cepat.



Ahli koperasi yang membuat urus niaga pajak gadai perlu memahami sistem syariah dan perundangan Islam.

Antara kedai Pajak Gadai Islam kendalian koperasi.

Bil	Perkara	Perubahan
1.	Konsep	- Kontrak Rahn; dan - Kontrak yang bersesuaian dengan pembiayaan Islam.
2.	Kumpulan Wang Anggota (KWA)	Jumlah KWA ditingkatkan sekurang-kurangnya daripada RM500,000 kepada RM1 juta.
3.	Kawalan Had Pembiayaan	Pembiayaan oleh koperasi kepada setiap penggadai tidak melebihi RM300,000 (Asal RM50,000) atau tidak melebihi 80% (Asal: 70%) daripada nilai marhun.
4.	Tadbir Urus	- Mewujudkan Jawatankuasa syariah koperasi menurut GP28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah - Mewujudkan unit aduan koperasi - Aduan boleh disalurkan melalui sesawang rasmi Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

riah dan amat menitikberatkan ketu-lusan operasinya.

GARIS PANDUAN

Bermula 14 Februari 2013, SKM menguatkuasakan GP25: Garis Panduan Menjalankan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) sebagai panduan kepada koperasi bagi melaksanakan aktiviti Ar-Rahnu secara lebih teratur dan berhemat. Garis panduan ini juga disediakan bagi mengawal pembukaan cawangan dan perniagaan Ar-Rahnu oleh koperasi.

Namun demikian, pada 1 Ogos 2019 Bank Negara Malaysia melalui mesyuarat Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (MPS-BNM) pada 25 Jun dan 31 Julai 2019 telah memutuskan bahawa struktur produk pajak gadai Islam semasa yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam (IFs) tidak mematuhi syariah sepenuhnya.

Hal ini telah merancakkan revolusi perindustrian Ar-Rahnu koperasi untuk melakukan peralihan konsep Ar-Rahnu 1.0 kepada Ar-Rahnu 2.0

sebagai alternatif produk baharu Ar-Rahnu koperasi. Sehubungan itu, SKM telah mengeluarkan Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022- Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) pada 29 November 2022 untuk dipatuhi oleh koperasi yang menjalankan aktiviti Ar-Rahnu.

Arahan Suruhanjaya ini juga telah membatalkan keseluruhan GP25 yang diguna pakai oleh koperasi sejak 10 tahun yang lalu.

Penjelasan dan pematuhan kepada Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 – Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) telah meningkatkan keyakinan masyarakat sekeliling terhadap aktiviti pajak gadai di koperasi. Hal ini sekali gus meningkatkan urus niaga dan perolehan kepada usahawan koperasi.

Peningkatan bilangan koperasi dan pertambahan cawangan yang menceburi bidang Ar-Rahnu ini saban tahun perlu diperkasakan dan diperkukuhkan aspek pematuhan syariah. Justeru itu, SKM sebagai badan pengawalselia akan sentiasa

Info

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2022

Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)

Bagi menjelaskan hal pematuhan syariah oleh pihak koperasi melalui aktiviti pajak gadai Islam ini, Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bilangan 2 Tahun 2022 - Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) perlu diamalkan. Ini termasuklah pelaksanaan produk alternatif Ar-Rahnu yang diperluaskan kepada koperasi seluruh Malaysia agar sentiasa patuh Syariah. Antara perkara utama yang terkandung dalam arahan tersebut adalah seperti berikut:

memastikan rangka kerja pengawalseliaan yang dinamik dan berhemat selaras dengan perkembangan pasaran Kewangan Islam.

Sebagai badan yang bertanggungjawab, SKM telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan Bahagian Syariah untuk memastikan pematuhan koperasi yang menjalankan aktiviti berlandaskan syariah dan sentiasa mematuhi perundangan serta arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

Bahkan, telah menjadi suatu keperluan dalam memastikan sektor koperasi sentiasa bergerak seiring dalam rangka kewangan terkini memandangkan syariah tidak terpisah dengan kehidupan manusia malah syariah menjadi nadi dan arus utama yang mendasari perjalanan kehidupan manusia sejagat.

MOHD NAJIB ABD RAZAK
Timbalan Pengarah Bahagian Pembiayaan Dan Kawalan Kredit
Suruhanjaya Koperasi Malaysia



Pembiayaan Kompetitif Untuk Usahawan Koperasi Terus Berdaya Saing



Setiap industri perlukan pembiayaan yang kompetitif untuk terus berdaya saing dalam perniagaan.

Pada hari ini, industri penghasilan makanan menjadi keutamaan Kerajaan. Dengan adanya Dasar Agromakanan Negara 2011-2020 (DAN) menjadikan perihai keterjaminan makanan adalah sesuatu yang sangat penting.

Justeru, bagi menggalakkan koperasi bergiat aktif dalam industri agromakanan, pelbagai agensi memainkan peranan untuk membantu dari segi penyediaan akses pembiayaan dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) merupakan salah

satu agensi yang menyediakan pembiayaan tersebut.

PEMBIAYAAN AGROMAKANAN

Di bawah Pembiayaan Agromakanan, koperasi yang memenuhi syarat kelayakan boleh memohon pembiayaan sehingga RM3 juta. Pembiayaan ini diadakan dengan objektif untuk menjadikan koperasi sebagai entiti yang berdaya saing dan komited dengan perniagaan mereka, terutamanya projek berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama, pemprosesan atau pengilangan dan

aktiviti hiliran makanan.

Kriteria Pembiayaan Agromakanan

1. Had maksimum pembiayaan bagi setiap koperasi adalah sehingga RM3 juta.
2. Pembiayaan bagi mengembangkan atau memperluaskan projek sedia ada berkaitan pengeluaran makanan pertanian utama (upstream), pemprosesan/pengilangan agromakanan atau aktiviti hiliran makanan lain.

3. Pembiayaan adalah berbentuk perbelanjaan modal dan juga modal kerja termasuk apa-apa pembangunan projek agromakanan dalam bentuk modal pusingan, membeli tanah/ladang/premium, ubahsuai/bina infrastruktur dan beli kenderaan/jentera.
4. Bagi koperasi yang telah memilih pilihan kedua bagi pembiayaan kali pertama, koperasi boleh mengemukakan permohonan untuk memilih pilihan yang pertama di peringkat kedua tertakluk kepada had maksimum bagi satu koperasi adalah sebanyak RM3 juta.
5. Tempoh penangguhan antara tiga (3) hingga enam (6) bulan.
6. Tiada caj proses.
7. Tempoh maksimum pembiayaan sehingga lapan (8) tahun bagi peringkat pertama hingga ketiga bagi pilihan pertama dan 20 tahun untuk peringkat keempat bagi pilihan pertama dan pilihan kedua.
8. Kadar keuntungan yang dikenakan berdasarkan kaedah baki berkurangan (reducing balance) adalah sebanyak 1 peratus bagi amaun pembiayaan sehingga RM3 juta.
9. Cagaran adalah dalam bentuk hartanah, simpanan tetap atau lain-lain.

Suruhanjaya menawarkan dua (2) pilihan pembiayaan di bawah skim Agromakanan berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang dimohon oleh Koperasi. Menariknya, koperasi boleh membuat pembiayaan hingga RM250,000 tanpa cagaran dengan tempoh pembiayaan selama lapan (8) tahun.

Cagaran hanya diperlukan bagi pembiayaan bermula dari RM650,000 hingga RM3 juta. Tempoh pembiayaan pula adalah selama 20 tahun dengan kadar keuntungan hanya satu (1) peratus yang dikira berdasarkan baki berkurangan.

Pilihan pembiayaan kedua adalah pembiayaan dengan cagaran bagi nilai RM250,000 hingga RM3 juta. Tempoh pembayaran adalah selama 20 tahun.

Pembiayaan Agromakanan mempunyai tujuh syarat permohonan. Syarat-syarat tersebut adalah:

1. Koperasi telah didaftarkan 18 bulan.
2. Koperasi hendaklah menunjukkan prestasi bayaran balik yang baik sekurang-kurangnya tiga bulan dengan laporan kemajuan projek yang menunjukkan prestasi kemajuan projek berapa pada tahap yang memuaskan.
3. Perakaunan koperasi teratur dan penyata kewangan semasa telah diaudit.
4. Koperasi telah mengadakan mesyuarat agung bagi tahun semasa.
5. Koperasi hendaklah mematuhi Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan, Perintah, Arahan, Garis Panduan, Surat Pekeliling, Notis dan Undang-undang Kecil Koperasi (UUK).
6. Projek yang akan dilaksanakan adalah berdaya maju.
7. Koperasi tidak mengalami kerugian operasi selama dua tahun berturut-turut.

PEMBIAYAAN MICRO COOP (MicCoopFi-1)

Bagi pembiayaan RM100,000.00 Suruhanjaya menyediakan kemudahan pembiayaan modal pusingan kepada usahawan koperasi yang berpendapatan kurang daripada RM200,000 setahun berdasarkan akaun teraudit semasa.

Kadar keuntungan serendah satu (1) peratus memberikan manfaat kepada koperasi untuk merancang kewangan dengan lebih baik dengan tempoh pembiayaan hingga 10 tahun.

STARTUP FINANCING (SuFi-1)

Bagi koperasi yang baharu beroperasi kurang daripada 18 bulan, koperasi layak memohon pembiayaan StartUp Financing (SuFi-1). Had maksimum pembiayaan adalah

RM100,000.00 dan tiada cagaran dikenakan. Pembayaran semula dalam tempoh 10 tahun.

StartUp Financing menetapkan aktiviti yang dibiayai selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) dan memerlukan dokumentasi sokongan yang lengkap antaranya senarai Ahli Lembaga Koperasi (ALK), salinan penyata bank tiga bulan terkini dan bukti koperasi mempunyai modal syer anggota yang mencukupi sekurang-kurangnya sepuluh (10) peratus daripada kos projek.

LESTARI FINANCING (LesFi-1)

Jika sesebuah koperasi terpilih dalam Program Desa Lestari di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB), koperasi berpeluang mendapatkan Lestari Financing (LesFi-1) dengan had maksimum pembiayaan hingga RM100,000.00.

Tempoh pembiayaan selama 10 tahun dengan kadar keuntungan satu (1) peratus bagi pembiayaan RM50,000 dan dua (2) peratus bagi pembiayaan RM50,001.00 hingga RM100,000.00.

Selain itu, terdapat beberapa lagi skim pembiayaan menarik yang disediakan oleh pihak Suruhanjaya kepada koperasi yang layak. Antaranya adalah Pembiayaan Ber-cagar yang memberikan pembiayaan hingga RM30 juta. Ada juga Pembiayaan Khas Tanpa Cagaran yang memberikan pembiayaan sehingga RM200,000.00.

Jika sesebuah koperasi diiktiraf sebagai 100 Koperasi Terbaik, koperasi boleh memohon pembiayaan antara RM500,000 hingga RM30 juta di bawah Best 100 Financing (Best100Fi-1). Bagi koperasi yang memiliki rekod pembayaran balik Tabung Modal Pusingan yang baik, koperasi boleh memohon di bawah skim Good Paymaster Financing (GMPFi-1) dengan pembiayaan hingga RM10 juta.

Kesimpulannya, Suruhanjaya menyediakan pelbagai skim dan produk pembiayaan demi menyokong gerakan koperasi supaya dapat mengembangkan aktiviti seterusnya berdaya saing dalam industri perniagaan.

**Selamat
Menyambut
Tahun Baharu**



**SURUHANJAYA
KOPERASI
Malaysia**
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2083 4000 Faks: 03-2083 4100



SuruhanjayaKoperasiMalaysia



skm_malaysia



skm_malaysia



www.skm.gov.my